

07/02/2003

Abdullah tidak akan layan spekulasi peralihan kuasa

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghargai kepercayaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadapnya dan yakin peralihan kuasa dalam Umno akan berjalan lancar.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak akan melayan sebarang spekulasi berhubung proses peralihan kuasa serta cakap-cakap mengenai kemungkinan Perdana Menteri akan terus mengetuai parti dan pilihan raya selepas Oktober ini.

"Saya hanya akan pakai cakap Datuk Seri Dr Mahathir, bukan cakap khabar-khabar angin. Jadi yang akan saya pegang ialah cakap Perdana Menteri.

"Pada siapa lagi saya nak pegang kata-kata, kalau bukan Perdana Menteri. Takkan saya nak dengar khabar angin. Saya akan pegang kata Perdana Menteri dan saya ucapkan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Umno dan Badan Perhubungan Umno Terengganu di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas spekulasi di kalangan ahli Umno dan pembangkang Dr Mahathir akan mengetuai satu lagi kempen pilihan raya bagi memastikan kejayaan Barisan Nasional (BN) walaupun pilihan raya diadakan selepas Oktober ini.

Bagaimanapun, dalam temuramah dengan Reuters, kelmarin, Dr Mahathir berkata pilihan raya umum tidak diadakan sebelum beliau bersara dan tarikhnya ditentukan Abdullah yang akan menggantikannya selepas Oktober ini.

Abdullah menganggap kenyataan Perdana Menteri itu sebagai satu kepercayaan penuh yang diberikan kepadanya dan bersedia memikul tanggungjawab itu.

Mengulas lanjut mengenai spekulasi mengenai peralihan kuasa dalam Umno dan kerajaan, beliau berkata Dr Mahathir sudah berulang kali menjelaskan perkara itu dan ia sebenarnya sudah cukup jelas.

"Perdana Menteri dah kata, bukan saja pada saya tetapi kepada semua ahli Majlis Tertinggi (MT) dan jawatankuasa pengurusan yang berjumpa Datuk Seri (Dr Mahathir) pada hari berikuit selepas Perhimpunan Agung Umno (Jun tahun lalu).

"Selepas itu bila Perdana Menteri balik dari bercuti, beliau telah terangkan kepada MT dan berulang kali sebut perkara sama.

"Jadi pada saya, tidak ada sebab untuk saya rasa ada sesuatu yang tak kena atau tak ada sebab untuk saya rasa gempar dengan spekulasi yang dibuat.

"Sebab yang saya pakai hanyalah cakap Perdana Menteri, bukan khabar angin," katanya.

Ditanya apakah beliau sudah memikirkan tarikh pilihan raya kerana kepercayaan yang sudah diberikan oleh Perdana Menteri itu, Abdullah berkata;

"Ini bukan masanya... nantilah. Perdana Menteri kata masa dia sudah tak ada (bersara), kita buatlah keputusan nanti."

Mengenai mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan, beliau berkata mereka telah menetapkan tarikh mesyuarat Umno bahagian dan cawangan serta perhimpunan agung Umno, yang seterusnya akan dibawa ke mesyuarat MT akan datang untuk keputusan muktamad.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri berkata, apa yang dinyatakan Dr Mahathir sudah menjelaskan lagi keadaan dan proses peralihan kuasa

dalam parti.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata kenyataan Dr Mahathir itu adalah lanjutan kepada pengumuman beliau selepas perhimpunan agung Umno tahun lalu.